



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 30 Januari 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2018**

APLIKASI CUTI PENDEK MELALUI SISTEM e-CUTI LGM

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa merujuk kepada Kenyataan Unit Pengurusan Sumber Manusia Bilangan 11 Tahun 2012 – Kemudahan Cuti Pendek dan Peraturan Mengenai Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Pejabat menerusi pindaan seperti berikut:

- i - Kemudahan cuti pendek boleh dipohon minimum satu (1) jam dan maksimum sehingga empat (4) jam sehari.
- ii - Jumlah cuti akan ditolak satu (1) hari cuti rehat apabila jumlah terkumpul cuti pendek bersamaan 8 jam. (secara automatik di sistem e-Cuti)
- iii - Tiada kemudahan cuti pagi dan cuti petang.

3. Dimaklumkan bahawa pihak Unit Teknologi Maklumat dengan kerjasama Unit Pengurusan Sumber Manusia telah membuat penambahbaikan bagi permohonan cuti pendek melalui aplikasi sistem e-Cuti untuk melancarkan proses pemohon/penyokong dan pelulus membuat permohonan/sokongan/kelulusan pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

4. Sehubungan itu, seluruh warga LGM adalah diwajibkan menggunakan sistem ini. Bagi Pekerja Awam LGM, penyelia adalah bertanggungjawab dalam membantu pemohon mengemukakan permohonan cuti pendek menerusi sistem ini.

5. Dimaklumkan juga bagi pembatalan cuti pendek, hanya pentadbir cuti unit masing-masing sahaja yang boleh membatalkan cuti pendek tersebut sekiranya permohonan telah diluluskan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k YBrS Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah- Pengarah Bahagian